

# Tikam guru kerana dendam

*Pelajar tingkatan lima direman lima hari*

MUHAMMAD AFHAM RAMLI

BANTING

Gara-gara dendam dan mengalami tekanan dalam pelajaran, seorang pelajar tingkatan lima tergemarkan menikam guru kaunselingnya dalam kejadian di sebuah sekolah di Sungai Manggis di sini kelmarin.

Kejadian itu berlaku di bilik pembantu warden sekolah berkenaan kira-kira jam 8.20 malam.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendant Azizan Tukiman berkata, pelajar berusia 17 tahun itu dikatakan telah masuk ke dalam bilik tersebut sebelum menunggu mangsa masuk.

"Apabila mangsa masuk dan sedang membuka kasut, pelajar berkenaan bertindak menikam mangsa dan berlaku pergelutan. Mangsa ditikam beberapa kali di bahagian bahu.

"Sebilah pisau masih tertanam di bahu mangsa yang segera dikejar-jakn ke Hospital Banting sebelum dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang untuk rawatan lanjut," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Azizan berkata, polis yang menerima panggilan mengenai kejadian tersebut segera ke sekolah berkenaan dan berjaya menahan pelajar terbabit.

Menurutnya, siasatan mendapati motif kejadian kerana dendam berikutan guru berkenaan dikatakan telah menetapkan peraturan yang terlalu ketat di se-



Seorang guru menerima rawatan akibat ditikam di bahu dalam kejadian yang berlaku di sebuah bilik warden sekolah di Sungai Manggis, Banting kelmarin.



Pelajar tingkatan lima sebuah sekolah di Sungai Manggis, Banting ditahan polis kerana dipercayai menikam gurunya kelmarin.

kolah dan asrama sehingga menyebabkan suspek tertekan.

"Akibat tidak berpuas hati dan rasa tertekan yang melampau, suspek telah bertindak di luar jangkaan.

"Suspek disahkan tidak terlibat dengan penyala-gunaan dadah," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, guru berkenaan,



AZIZAN

Muhammad Hasnan Salim berusia dalam lingkungan 30-an dan dilaporkan stabil selepas menjalani pembedahan.

"Suspek kini direman lima hari sehingga Jumat ini dan akan dirujuk ke Unit Psikiatri Hospital Banting.

"Kes dikelasifikasi sudah selesai dan kertas siasatan akan dirujuk ke timbalan pendakwa raya dalam tempoh terdekat untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan.